

| | |
|--------------|---------------------------|
| Headline | K-Jawi at market |
| Date | 28. Jan 2007 |
| Media Title | Utusan Malaysia |
| Section | Dlm Negeri |
| Circulation | 238082 |
| Readership | 833287 |
| Language | MALAY |
| Page No | 4 |
| Article Size | 434 cm² |
| Frequency | Daily |
| Color | Full Color |



K-Jawi di pasaran

Oleh ZABRY MOHAMAD



SEBAHAGIAN peserta kanak-kanak menggunakan tanah liat untuk membentuk tulisan jawi sempena kempen Pembudayaan Tulisan Jawi di Kuala Lumpur, semalam.

– Gambar HALIM KHALID



RAIS Yatim menulis kad ucapan dalam tulisan jawi ketika melawat gerai-gerai pameran pada majlis pelancaran Semarak Jawi, semalam.

KUALA LUMPUR

27 Jan. - Dalam usaha mengembalikan martabat tulisan jawi seiring dengan kemajuan teknologi, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) akan mengedarkan program perisian berkomputer K-Jawi secara meluas di pasaran bagi kemudahan orang ramai.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, perisian tersebut direka khas supaya mudah digunakan oleh semua peringkat masyarakat dan mampu berinteraksi dengan setiap sistem komputer yang berada di pasaran.

Bagaimanapun, kata beliau, pihaknya belum memutuskan harga program perisian itu tetapi membayangkan ia mampu dimiliki oleh setiap pengguna kerana penjualannya bukan berdasarkan keuntungan.

"Yang penting perisian K-Jawi mudah, boleh berinteraksi dengan sistem-sistem komputer yang ada.

"Ia bakal diedarkan sebanyak mungkin bagi membolehkan orang ramai menggunakannya," katanya.

Rais berkata demikian kepada pemimpin selepas melancarkan perisian tersebut sempena Kempen Pembudayaan Tulisan Jawi, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha KeKKWa, Datuk Zakiah Ahmad dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Siti Zakiah Aman.

K-Jawi merupakan projek penyelidikan dan pembangunan tulisan jawi terbaru yang diusahakan KeKKWa dan Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Kolej Universiti Teknologi Pengurusan Malaysia (KUTPM).

Projek berkenaan bermula pada Oktober 2005 dengan pembiayaan sebanyak RM1.7 juta.

Sebagai permulaan, empat perpus-

takaan dari empat daerah di Negeri Sembilan, Perlis, Kedah dan Kelantan menjadi perintis dalam menggunakan perisian berkenaan.

Menurut Rais, KeKKWa akan meminta kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta MIMOS Berhad untuk memuat turun perisian K-Jawi ke dalam sistem berkomputer setiap kementerian bagi menggalakkan penggunaannya sama ada oleh kakitangan kerajaan atau orang ramai.

Beliau turut memaklumkan mengenai peruntukan sebanyak RM2.1 juta setahun yang disediakan kerajaan untuk tempoh lima tahun bagi melaksanakan kempen memburdayakan tulisan jawi.

Jelasnya, melalui peruntukan tersebut, pelbagai program akan dianjurkan di peringkat sekolah, daerah dan negeri.

"Kita mahu menggalakkan pembabitan pelbagai kaum dengan tulisan jawi di mana kita akan serapkan sebagai cara hidup masyarakat di negara ini."

"Antara aktivitinya ialah penulisan rencana, cerita pendek, sajak dan syair," katanya lagi.

Sementara itu, pelbagai aktiviti menarik untuk kanak-kanak dan orang dewasa diadakan sempena Kempen Pembudayaan Tulisan Jawi.

Antaranya, demonstrasi seni penulisan jawi, persembahan artis terkenal, pameran dan jualan produk jawi.

Ia berlangsung semalam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan akan berakhir esok.